

04/08/2000

Usaha sama niaga perlu ikhlas

Jamhariah Jaafar; Hatipah Ahmad

SEJAK pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), sebarang rancangan membabitkan usaha sama perniagaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, terutama Cina, sering dikaitkan dengan `alibaba`.

Bagaimanapun, persepsi itu kini berubah seiring dengan perubahan terhadap usaha kerajaan mencipta golongan korporat Bumiputera berwibawa dan mengubah pandangan Melayu supaya turut menyertai persaingan dunia perniagaan yang semakin mencabar.

Jika dulu, alibaba adalah sindiran cara berniaga di antara peniaga Melayu dan Cina, dengan peniaga Cina yang berkongsi menjadi rakan aktif manakala peniaga Melayu sekadar sleeping partner, sekarang keadaan adalah sebaliknya.

Kaum lain kini segan terhadap kemampuan ahli perniagaan Melayu yang tidak lagi terus diperalatkan atau disindir sebagai melukut di tepi gantang.

Jika sebelum ini aibnya Ali mengadakan perniagaan dengan Baba, kini Baba atau Muthu pula terpegun dengan kemampuan Ali untuk bertapak kukuh di negara sendiri.

Bagaimanapun, di tengah keghairahan negara mengeluarkan nama gah seperti (Allahyarham) Tan Sri Yahya Ahmad, Tan Sri Rashid Hussein, Tan Sri Azman Hashim dan Tan Sri Wan Azmi Wan Hashim yang setanding dengan nama ahli perniagaan Cina tempatan, peratusan yang berjaya masih jauh daripada sasaran negara untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 30 peratus usahawan Bumiputera dalam tempoh pelaksanaan DEB yang berakhir tahun lalu.

Keadaan diburukkan dengan kegawatan ekonomi yang ternyata memberi kesan serius terhadap perniagaan sebahagian besar usahawan Bumiputera yang mula bertapak.

Usaha keras mereka hampir hilang dalam sekelip mata dan kebanyakan usahawan Bumiputera terpaksa merangkak semula untuk membina perniagaan yang hampir musnah angkara penyangak mata wang antarabangsa.

Menyedari hakikat usahawan Cina masih mengungguli Melayu dalam pengurusan kewangan dan perniagaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta masyarakat Cina membantu meningkatkan taraf ekonomi Melayu yang masih tidak memuaskan.

Beliau menegaskan, usaha seumpama itu tidak merugikan masyarakat Cina, sebaliknya menguntungkan semua pihak kerana Malaysia kini tidak boleh dilihat sebagai negara yang mengasingkan kaum tetapi perlu dilihat sebagai rakyat yang bersatu jika impian sebagai negara maju ingin direalisasikan dalam tempoh satu atau dua dekad ini.

Sebenarnya, rakyat Malaysia perlu menyedari hakikat berkenaan tanpa perlu saranan Perdana Menteri untuk mengubah sikap mereka. Sikap berpuak, cemburu serta persaingan tidak sihat antara kaum di negara ini, terutama dalam dunia perniagaan, hanya mencetus perasaan tidak puas hati.

Walaupun ungkapan alibaba kini semakin tenggelam dengan kejayaan begitu ramai usahawan Bumiputera, namun hakikatnya masih ramai di takuk lama, dengan terus mengharap ihsan usahawan Cina untuk menikmati kemewahan hidup yang diangan-angankan.

Justeru, dalam hal ini, perkara paling penting dibincangkan bagi memastikan kejayaan usaha sama seperti ini ialah keikhlasan usahawan Cina dan ahli perniagaan Melayu yang tidak dapat dinafikan ramai yang lebih gemar untuk mencipta keuntungan atas angin.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengakui jika kepakaran

usahawan Cina untuk berniaga digabungkan dengan kemudahan yang boleh diperolehi orang Melayu untuk memulakan perniagaan, ia boleh menghasilkan kejayaan cemerlang dengan syarat sikap alibaba mesti diketepikan.

"Perkongsian yang dihasilkan mesti atas asas menang-menang. Sekiranya ada yang terus bersikap alibaba, ia hanya menguntungkan satu pihak dalam jangka masa panjang," katanya.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan mahu usahawan Melayu menjadikan ahli perniagaan Cina sebagai model untuk mereka mencapai sasaran sebagai usahawan berjaya.

"Kerjasama antara kaum seperti ini penting, terutama bagi masa depan generasi muda Malaysia. Kejayaan di atas landasan sebenar mesti dicapai jika kita ingin mengecap keharmonian dan perpaduan berterusan bagi negara pelbagai kaum ini," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, menegaskan polisi khas bagi membentuk kerjasama antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera melalui dewan perniagaan sudah lama diadakan tetapi "tidak begitu menjadi".

"Saya tidak tahu sama ada ia disebabkan kekurangan sokongan atau keghairahan kedua-dua pihak," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui ada keperluan mendesak untuk usahawan pelbagai kaum sekarang saling membantu dan bersatu sebagai rakyat Malaysia jika ingin melihat ahli perniagaan negara ini diterima di pasaran antarabangsa.

"Disebabkan kedudukan pasaran semakin kompetitif, lebih penting untuk kita bekerjasama kerana melalui cara ini kita boleh saling bergantung kepada strategi dan sumber untuk menempah tempat di pasaran antarabangsa.

"Sekarang kita tidak boleh lagi memikirkan bahawa 'aku Melayu, engkau Cina', sebaliknya kita wajar berfikir rakyat Malaysia perlu berkerjasama untuk pasaran yang semakin kompetitif.

"Kita tidak lagi mampu untuk mengagihkan sumber mengikut kaum, jadi kita kena lebih serius mengenai perkara ini dan mesti mendisiplinkan diri kerana kita bukan lagi sekadar dalam perniagaan yang bersandarkan kepada nama baik tetapi kepakaran semua pihak dalam memastikan kejayaan negara," katanya.

Justeru, kata beliau, kejayaan negara untuk mencipta korporat Malaysia yang sebenarnya bergantung kepada keikhlasan semua pihak kerana terdapat jurang antara mereka yang ikhlas tetapi tidak mempunyai semangat dan keghairahan untuk merealisasikan kerjasama sebenar yang diimpikan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, turut meletakkan keikhlasan semua pihak bagi menjayakan semangat Malaysia Boleh dalam dunia perniagaan negara ini.

"Idea ini sudah terbentuk sekian lama tetapi berakhir dengan konsep alibaba. Kerana itu, jika rakyat Malaysia ingin membentuk kerjasama sebenar, mereka mesti mengikis sikap perkauman dan mempergunakan antara satu sama lain, sebaliknya mengukuhkan semangat tolong-menolong," kata Presiden Gerakan itu.

Ketua Wanita MCA, Datuk Ng Yen Yen dan Timbalan Setiausaha Agung Pemuda parti itu, Tiong Ah Lay, bersetuju satu rancangan konkrit dibentuk bukan saja antara usahawan Melayu dan Cina, bahkan membabitkan usahawan semua kaum negara ini bagi memastikan semangat setiakawan dikekalkan selamanya.

Mereka berpendapat tanpa usaha dan program jitu, segala-galanya hanya berakhir di bibir dan luahan perasaan yang tidak bermakna.

Kenyataan menarik dilemparkan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, ketika Sidang Kemuncak Persyarikatan Malaysia baru-baru ini, yang mengingatkan rakyat Malaysia tidak ada siapa yang boleh meramal apa yang akan berlaku pada masa depan.

"Kerana itu cara pemikiran, institusi dan budaya negara ini mesti disesuaikan dengan perubahan masa.

"Kemampuan untuk menyesuaikan diri adalah asas kepada kelangsungan rakyat negara ini pada masa depan," kata Presiden MIC itu.

(END)